

**NO. SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7614**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan semua projek infrastruktur PDRM yang lewat/terbengkalai dengan menyatakan syarikat konsesi, anggaran kos pembinaan, syarikat baru yang dilantik untuk menyiapkan projek (jika ada) dan jumlah kos tambahan yang ditanggung Kerajaan akibat kelewatan tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek-projek infrastruktur dan kemudahan PDRM dilaksanakan dengan beberapa sumber pembiayaan iaitu:-

1. Belanja Pembangunan (Rancangan Malaysia Lima Tahun, RMK10);
2. *Private Finance Initiative* (PFI);
3. *Built Lease and Transfer* (BLT); dan
4. Penswastaaan (*Land Swap*)

### **A. Projek-Projek Belanja Pembangunan (P62)**

- Jumlah projek : 23

(Siap : 1 projek, Dalam Pelaksanaan 14 projek, Dalam Perancangan : 9 projek)

- Jumlah peruntukan diluluskan : RM 194,962,000.00

Projek yang telah disiapkan adalah Naiktaraf Balai Polis Permatang Berangan, Pulau Pinang,

Terdapat 3 Projek PDRM yang didapati lewat daripada jadual lebih daripada 5% berdasarkan kepada laporan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK), Kementerian Dalam Negeri sehingga tarikh 3 April 2015. Senarai projek tersebut adalah seperti berikut:-

1. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sipitang, Sabah;

2. Naiktaraf Kuarters dan Bangunan IPD Jajahan Bachok, Kelantan;
3. Balai Polis Country Homes, Rawang, Selangor;

Tiada sebarang kos tambahan yang ditanggung oleh Kerajaan. Sebarang perbezaan kos tambahan ditanggung oleh pihak kontraktor asal.

Amaran kemungkiran akan dikeluarkan sekiranya projek didapati lewat jadual lebih daripada 5%. Projek yang dikategorikan sebagai projek sakit apabila didapati projek berada pada tahap 20 peratus atau 2 bulan lewat; mana yang terdahulu; daripada jadual.

#### **B. *Private Finance Initiative (PFI);***

- Jumlah projek : 27

(Siap : 26 projek, Dalam Pelaksanaan: 1)

- Jumlah peruntukan diluluskan : RM 1, 773,757,683.02

a) Semua siap, kecuali Bangunan Tambahan IPK Johor. Projek terbengkalai sebelum ini, namun telah diambil tindakan pelantikan semula kontraktor. Kontraktor asal iaitu Global GLobe Sdn. Bhd. telah ditamatkan pada 10 Februari 2014. Kemajuan ketika itu 58%. Syarikat Global GLobe Sdn. Bhd. telah dikenakan Denda Tidak Siap Kerja (LAD) pada kadar RM 17,190.41 sehari bagi tempoh bermula 19 Julai 2013 sehingga 9 Februari 2014 (206 hari) menjadikan jumlah Denda Tak Siap Kerja (L.A.D) sebanyak RM 3,541,224.46.

Kos kontrak asal : RM 103,556,694.84

Bayaran kepada kontraktor : RM 48,321,699.00 (baki belum dibayar RM 55,234,995.84)

Kos Kontrak baru : RM 72,800,000.00

Tambahan kos : RM 17.6 juta

Syarikat Global Globe Sdn. Bhd. masih belum membayar denda memandangkan pihak JKR dalam penyediaan Perakuan Muktamad bagi Projek Mansuh.

Status semasa :

- (b) JKR telah melantik kontraktor baru (penyiap) iaitu **QSE Construction Sdn. Bhd. dan Tarikh Milik Tapak ialah 5.2.2015, Tarikh Siap pada 3 Ogos 2016 dengan kos sebanyak RM 72,800,000.00.**

**Status semasa:**

**Jadual : 2%**

**Sebenar : 1%**

***C. Built Lease and Transfer (BLT);***

- Jumlah projek : 74

(Siap : 71 projek, Dalam Pelaksanaan: 3)

- Jumlah peruntukan diluluskan : RM 8 bilion

Senarai projek dalam pelaksanaan :-

1. Pembinaan Kem Batalion 8, PGA Pengkalan Chepa Kelantan (Pakej 2), 99% disiapkan;
2. Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam: 84% disiapkan; dan
3. Pengkalan Marin Tanjung Pelepas 99.8% disiapkan.

#### **D. Penswastaaan (*Land Swap*)**

##### **1. Projek Pembangunan Semula Kompleks Pejabat dan Kuarters PGA Sibul dan Limbang**

- Anggaran kos : RM 68,100,000.00 (2 Fasa)
- Syarikat konsesi : Salconmas Sdn. Bhd.

Fasa 1: Pembangunan Kompleks PGA Sibul : RM 39,763,000.00

Fasa 2: Pembangunan Kompleks Kompeni C, Batalion 12 PGA

Limbang : RM 28,337,000.00

- Perjanjian penswastaaan ditandatangani pada 30.10.2004.
- Dalam perjanjian penswastaaan projek ini, pihak syarikat dikehendaki membuat pengambilan tanah dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian;
- Syarikat Salconmas Sdn. Bhd. telah gagal mendapatkan tapak bagi projek PGA Limbang sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian. Walaupun lanjutan masa selama 12 bulan telah diberikan, tetapi masih gagal mendapatkan tapak berkenaan.
- KDN telah memaklumkan pembatalan perjanjian kepada syarikat melalui surat bertarikh 20 Ogos 2013.

##### **2. Cadangan Pembinaan IPD Brickfields, Kuala Lumpur**

- Anggaran kos : RM 62 juta (2 Fasa)
- Syarikat konsesi : Syarikat Primamuda Holdings Sdn. Bhd.

Fasa 1: RM 12 Juta, Pembangunan Balai Polis Travers. Projek telah siap pada tahun 2008

Fasa 2: RM 40 Juta, Kompleks IPD Brickfields dan 32 Buah Kuarters. Kerja -kerja tanah sedang dilaksanakan (2%)

### **3. Projek Pembangunan Pengkalan Udara Semenanjung Pasukan Gerakan Udara (PGU), PDRM, Subang**

Anggaran kos : RM 386,290,215.48

Syarikat konsesi : 1MDB

Kontraktor : Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)

Projek telah bermula pada 8.4. 2013

Tarikh siap asal : 7.4.2016

Status terkini sehingga 1 April 2015 adalah 26.62%